

## Pendekatan Metodologi Syarah Hadith Dalam Kitab-Kitab Syarah *Jāmi' al-Tirmizī*: Satu Kajian Perbandingan

[Methodological Approaches To Hadith Commentary In The Commentaries On *Jāmi' al-Tirmizī*: A Comparative Study]

Dzulfaidhi Hakimie Dzuilraidi<sup>\*1</sup> , Mohd Solleh Ab Razak<sup>2</sup>, Amir Asyraf Rushihi<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej al-Quran Terengganu, Kampus, Padang Midin, 21400 Marang, Terengganu, Malaysia

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu Sabah, Malaysia.

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

\* Corresponding author: [dzuldzulraidi@gmail.com](mailto:dzuldzulraidi@gmail.com).

DOI: <https://doi.org/10.33102/uj.vol37no02.674>

### Abstrak

*Al-Jāmi'* merupakan karya magnum opus al-Tirmizī yang terkenal dan mendapat perhatian ramai ulama Islam sehingga banyak karya-karya syarah *Jāmi' al-Tirmizī* telah diterbitkan. Metodologi yang digunakan dalam kitab-kitab syarah *Jāmi' al-Tirmizī* merupakan satu bidang kajian penting dalam ilmu hadith, namun masih kurang diterokai sepenuhnya. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan meneliti pendekatan metodologi yang digunakan oleh beberapa kitab syarah terpilih terhadap *Jāmi' al-Tirmizī*. Penyelidikan ini menumpukan kepada mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam kaedah interpretasi mereka serta bagaimana metodologi ini mempengaruhi pemahaman dan aplikasi hadith berdasarkan asas dan disiplin ilmu *syarh al-hadīth*. Pendekatan kualitatif digunakan, dengan analisis dokumentasi sebagai kaedah utama pengumpulan data dan analisis kandungan sebagai metode analisis data. Tiga kitab syarah dijadikan sebagai subjek kajian iaitu *Tuhfat al-Ahwazī*, *Qūt al-Mughätzā* dan *‘Arīdah al-Ahwazī*. Hasil kajian mendapati terdapat variasi ketara dalam pendekatan yang digunakan oleh para pensyarah, mencerminkan kepelbagaiannya perspektif ilmiah dalam tafsiran hadith. Kajian ini menyumbang kepada wacana yang lebih luas mengenai metodologi hadith dengan menekankan kepentingan memahami perbezaan metodologi ini. Justeru itu, dicadangkan agar kajian lanjutan dijalankan untuk meneroka metodologi karya-karya syarah hadith terpilih dalam kitab hadith yang lain pula seperti Sunan al-Nasā'ī dan sebagainya agar perbincangan hadith terus marak.

**Kata kunci:** *Al-Jāmi'*; al-Tirmizī; ilmu *syarh al-hadīth*; kitab syarah; metodologi

### Abstract

*Al-Jāmi'*, the magnum opus of al-Tirmizī, is a renowned work that has garnered significant attention from numerous Islamic scholars, leading to the publication of many commentaries on *Jāmi' al-Tirmizī*. The methodologies employed in these commentaries are an important area of study within hadith scholarship, yet they remain underexplored. This study aims to address this gap by examining the methodological approaches

Manuscript Received Date: 28/03/25

Manuscript Acceptance Date: 29/04/24

Manuscript Published Date: 31/07/25

©The Author(s) (2025). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial reuse, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [penerbit@usim.edu.my](mailto:penerbit@usim.edu.my).



C | O | P | E | COMMITTEE ON PUBLICATION ETHICS

## **Pendekatan Metodologi Syarah Hadith Dalam Kitab-Kitab Syarah Jāmi' al-Tirmizī: Satu Kajian Perbandingan**

used in selected commentaries on *Jāmi' al-Tirmizī*. The research focuses on identifying the similarities and differences in their interpretative methods and how these methodologies influence the understanding and application of hadith based on the principles and disciplines of hadith commentary science (*ilm syarh al-hadīth*). A qualitative approach is utilized, with document analysis serving as the primary method of data collection and content analysis as the method of data analysis. Three commentaries have been selected as the subjects of study: *Tuhfat al-Ahwazī*, *Qūt al-Mughätzī*, and *Āridah al-Ahwazī*. The findings reveal significant variations in the approaches used by the commentators, reflecting a diversity of scholarly perspectives in hadith interpretation. This study contributes to broader discussions on hadith methodology by emphasizing the importance of understanding these methodological differences. Consequently, it is suggested that further research be conducted to explore the methodologies of selected commentaries on other hadith compilations, such as Sunan al-Nasa'i, to continue enriching the discourse on hadith studies.

**Keywords:** *Al-Jāmi'*; al-Tirmizī; *ilm syarh al-hadīth*; commentaries; methodologies

### **1.0 Pendahuluan**

Ilmu syarah hadith merupakan salah satu disiplin utama dalam ilmu hadith yang berperanan menjelaskan makna, metodologi penghuraian, serta konteks sesuatu hadith bagi memastikan kefahaman yang lebih mendalam terhadap teks-teks nabawi (al-Ashrafi, 2007). Melalui syarah hadith, para ulama tidak hanya menafsirkan makna zahir hadith tetapi juga mengkaji aspek linguistik, fiqh, dan sejarah bagi mengekstrak hikmah serta panduan praktikal daripadanya (Fath al-Dīn Bayānūnī, 2025). Peranan syarah hadith dalam menyebarkan kefahaman yang sahih menjadikannya sumber rujukan penting dalam pelbagai bidang keislaman, termasuk fiqh, usul al-fiqh, dan tafsir (Bassam Khalil Safdi, 2015).

Namun, pendekatan yang digunakan dalam syarah hadith adalah pelbagai dan berbeza bergantung kepada latar belakang penulis, mazhab, dan objektif penulisan sesuatu kitab (Amir Nabi & Tasnim Rahman, 2021). Ada kitab syarah yang memberi tumpuan kepada aspek fiqh dan istinbat hukum, ada yang menekankan aspek sanad dan kritik rijal, manakala ada yang lebih bersifat linguistik dan kontekstual dalam memahami teks hadith (Ibn Sīdah, 1999). Perbezaan ini menimbulkan keperluan untuk mengkaji secara sistematis pendekatan metodologi yang digunakan dalam kitab-kitab syarah hadith bagi menilai keberkesanannya dan kelebihan setiap pendekatan dalam memahami serta menjelaskan kandungan *Jāmi' al-Tirmizī*.

Sehubungan itu, kajian ini memberi tumpuan kepada tiga kitab syarah utama terhadap *Jāmi' al-Tirmizī*, iaitu *Tuhfat al-Ahwazī*, *Qūt al-Mughätzī*, dan *Āridah al-Ahwazī*. Ketiga-tiga kitab ini mewakili pendekatan yang berbeza dalam menghuraikan hadith, menjadikan perbandingan terhadap metodologi yang digunakan sebagai satu kajian yang signifikan dalam memahami variasi pendekatan syarah hadith. Walaupun terdapat banyak kajian berkenaan kitab syarah hadith secara individu, masih terdapat kekurangan kajian yang secara sistematis membandingkan metodologi syarah dalam beberapa kitab utama. Kekurangan ini menyukarkan pemahaman menyeluruh terhadap pendekatan yang digunakan dalam penghuraian *Jāmi' al-Tirmizī*.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melakukan analisis perbandingan terhadap metodologi yang digunakan dalam *Tuhfat al-Ahwazī*, *Qūt al-Mughätzī*, dan *Āridah al-Ahwazī*. Dengan mengenal pasti kekuatan setiap pendekatan, kajian ini berupaya memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai metodologi syarah hadith yang lebih efektif dan sesuai dalam konteks pengajaran hadith kontemporari. Kajian ini bukan sahaja memberikan sumbangan kepada bidang hadith, tetapi juga bermanfaat dalam konteks pengajaran dan penyelidikan hadith di institusi pengajaran Islam. Melalui pemahaman yang lebih sistematis terhadap metodologi syarah hadith, para sarjana dan pengkaji hadith dapat menilai kaedah yang lebih relevan dan berkesan dalam menjelaskan teks-teks suci Islam secara ilmiah dan berautoriti.

### **Biografi al-Tirmizī**

Beliau ialah Muhammad bin Isa bin Saurah bin Mūsa bin al-Dhahāk al-Sulamī al-Tirmizī. Ini yang disebutkan oleh pelajarnya Muhammad bin Ahmad al-Mahbūbī sekaligus merupakan pandangan yang paling masyhur. Selain itu, terdapat pandangan lain menyebut nama beliau ialah Muhammad bin Isa bin Saurah bin Syaddād dan Muhammad bin Isa bin Yazīd bin Saurah al-Sakan (al-Ṭāhir al-Azhar, 2007).

Beliau dinisbahkan kepada al-Sulamī iaitu Sulaim bin Mansūr bin ‘Ikrimah. Satu kabilah terkenal yang

berada di antara Mekah dan Madinah daripada zaman jahiliah sehingga hari ini (Abdul Majid al-Ghauri, 2005). Sementara itu, nama al-Tirmizī merupakan penisbahan kepada Tirmiz . Beliau diberikan kunyah Abū ‘Isā. Menurut Abdullah al-Sa’ad (2022), para ilmuwan Islam bersepakat mengenai hal ini .

Al-Tirmizī dilahirkan pada tahun 209 hijrah. Terdapat segelintir pandangan mengatakan beliau dilahirkan dalam keadaan buta. Hal ini tidak tepat seperti apa yang dikatakan oleh Yūsuf bin Ahmad al-Baghdādī bahawa al-Tirmizī menjadi buta pada akhir usianya. Berkenaan kewafatan beliau, terdapat beberapa pandangan yang direkodkan antaranya tahun 275 hijrah, 270 lebih hijrah, 279 hijrah dan setelah 280 hijrah. Pandangan yang masyhur di kalangan para ulama Islam adalah beliau wafat pada tahun 279 hijrah di Tirmiz.

Al-Tirmizī mengambil ilmu daripada ramai guru. Sebahagian pengkaji merekodkan bilangan guru-gurunya mencapai lebih daripada 200 orang. Antara guru-guru beliau yang masyhur ialah Ishāk bin Rahawaih, Qutaibah bin Sa’id, al-Dārimī, al-Bukhārī, Muhammad bin Yahya al-Zuhālī dan banyak lagi. Dalam masa yang sama beliau juga mempunyai ramai pelajar. Al-Mizzī menghitung jumlah pelajarnya mencapai hampir 30 orang. Antaranya pelajarnya yang masyhur ialah Muhammad bin Ahmad al-Mahbūbī dan al-Haitham bin Kulaib al-Shāshī (al-Tāhir al-Azhar, 2007).

Para ilmuwan Islam silam dan kontemporari bersepakat mengenai ketokohan al- Tirmizī. Begitu juga keilmuannya yang luas dalam pelbagai lapangan khususnya hadith dan fiqh. Al-Bukhārī menyatakan kepada beliau “Aku lebih banyak mengambil manfaat daripada kamu berbanding kamu mengambil manfaat daripadaku” (al-Khalīlī, 1989). Selain itu Ibn Hibbān memuji al- Tirmizī dalam karyanya al-Tsiqāt “Abū ‘Isā adalah daripada kalangan yang mengumpul, menulis, menghafal dan mengulangi perbincangan-perbincangan hadith”. Al-Zahabī memberi kesimpulan jelas mengenai kedudukan al-Tirmizī dengan katanya “Muhammad bin ‘Isā bin Saurah al-Hāfiẓ al-‘Ilm, Abū ‘Isā al- Tirmizī pengarang kitab al-Jāmi’ tsiqāt secara kesepakatan para ilmuwan Islam” (al-Zahabi, 1985).

Justeru kesemua pujian tersebut membuktikan kedudukan dan ketokohan al- Tirmizī yang tinggi dalam dunia Islam khususnya pada lapangan hadith.

### Pengenalan Karya al-Jāmi’

Karya al-Tirmizī ini dikenali dengan beberapa nama antaranya *al-Jāmi'*, *Sunan al-Tirmizī*, *al- Jāmi'* *al-Sahīh*, *al-Jāmi'* *al-Kabīr*, *al-Jāmi'* *al-Mukhtasar* dan sebagainya. Kesemuanya dijumpai di helaian-helaian manuskrip karya ini. Namun begitu, secara asasnya terdapat dua nama yang paling sesuai dengan realiti metodologi penulisan al-Tirmizī iaitu:

1. *Al-Jāmi'* *al-Mukhtasar min al-Sunan ‘an Rasūllillah SAW wa Ma’rifah al-Sahīh wa al-Ma’lūl wa mā ‘alaihi al-‘Amal*. Nama ini dijumpai di beberapa manuskrip karya al-Tirmizī begitu juga ia dilihat selari dengan metodologi penulisan beliau.
2. *Al-Jāmi'* *al-Kabīr*. Nama ini juga ditemui di beberapa manuskrip. Dalam masa yang sama, ia selari dengan kaedah pengumpulan al-Tirmizī daripada hadith-hadith para sahabat (al-Tāhir al-Azhar, 2007).

Sekiranya diteliti gaya pengumpulan hadith dan perbincangannya oleh al-Tirmizī, dapat disimpulkan bahawa ia merupakan sebuah kitab hadith yang membahaskan mengenai ilmu riwayat, fiqh dan kritik hadith. Mengenai riwayat hadith, karya ini mengumpulkan sejumlah 4318 hadith, terdiri daripada 2150 bab dan 48 kitab. Dalam masa yang sama, terdapat sejumlah 2017 hadith yang membincangkan mengenai perihal hukum hakam. al-Tirmizī juga bukan sahaja mengeluarkan hadith, namun beliau juga membahaskan perihal pandangan-pandangan mazhab tertentu (Abdullah al-Sa’ad, 2022).

Selain itu, karya ini juga sinonim dengan perbincangan kritik hadith. Banyak tempat al-Tirmizī mengeluarkan perbincangan ‘ilal al-hadīth sama ada membahaskannya secara bersendirian, bertanya kepada Muhammad bin Ismā’il al-Bukhārī atau bertanya kepada al-Dārimī. Bahkan perbincangan ‘ilal al-hadīth yang terdapat dalam karya ini juga turut dimuatkan dalam karya beliau lain iaitu al-‘Ilal al-Kabīr.

Al-Tirmizī menyatakan dengan jelas sebab penulisan karya ini. Kata beliau “Kami memasukkan dalam karya ini perbincangan-perbincangan para fuqahā’ dan ilal al-hadīth. Hal ini berikutan kerana kami pernah diminta untuk menulis karya sedemikian, namun setelah sekian lama barulah kami menunaikannya agar

## **Pendekatan Metodologi Syarah Hadith Dalam Kitab-Kitab Syarah Jāmi' al-Tirmizī: Satu Kajian Perbandingan**

menjadi manfaat buat masyarakat”.

*Jāmi' al-Tirmizī* sehingga kini telah tersebar ke seluruh dunia bahkan merupakan antara karya hadith terpenting yang diterima oleh masyarakat dengan gelaran al-Kutub al-Sittah. Ramai di kalangan tokoh-tokoh besar Islam turut berkongsi pandangan mereka mengenai karya ini antaranya Abdullah bin Muhammad al-Ansārī yang mengatakan “Karya al-Tirmizī di sisi aku lebih bermanfaat berbanding Sahih al-Bukhārī dan Muslim. Hal ini berikutan kerana kedua karya itu hanya dapat digali manfaatnya oleh kelompok pakar dan alim sahaja, manakala karya Abū ‘Isā ini dapat diambil manfaatnya oleh seluruh kelompok manusia” (al-Ṭāhir al-Azhar, 2007).

Ibn al-Athīr menyatakan “*Jāmi' al-Tirmizī* merupakan karya yang paling baik, paling banyak faedah, paling indah susunan, paling sedikit pengulangan hadith dan di dalamnya terdapat perbincangan yang tidak didapati pada karya lain berkaitan perbahasan mazhab, metode istidlāl, penjelasan mengenai jenis-jenis hadith sahih, hasan dan gharib. Begitu juga dalamnya terdapat perbincangan al-Jarh wa al-Ta'dil dan ‘ilal. Sesungguhnya beliau telah menghimpunkan banyak faedah yang baik” (Abdullah al-Sa'ad, 2022).

Kesemua fakta di atas sekaligus membuktikan kedudukan *Jāmi' al-Tirmizī* dalam dunia Islam serta ia merupakan sebuah karya yang perlu dipelajari dan diterokai oleh para masyarakat.

### **2.0 Metodologi Kajian**

Kajian ini berasaskan pendekatan kualitatif, memandangkan pendekatan ini paling sesuai untuk memahami secara mendalam metodologi syarah yang digunakan dalam *Tuhfat al-Ahwāzī*, *Qūt al-Mughätzī*, dan *Āridah al-Ahwāzī* dalam menghuraikan *Jāmi' al-Tirmizī*. Pendekatan ini membolehkan kajian menilai perbezaan metodologi dengan lebih terperinci, sekali gus memberikan gambaran menyeluruh tentang variasi pendekatan yang digunakan dalam syarah hadith (Idris et al., 2018).

Dalam pengumpulan data, kaedah dokumentasi digunakan, di mana sumber-sumber primer dan sekunder berkaitan dengan kitab syarah *Jāmi' al-Tirmizī* dikumpulkan. Sumber-sumber ini meliputi kitab-kitab asal syarah hadith, artikel jurnal, tesis, disertasi, buku digital, serta rujukan dalam perpustakaan digital seperti al-Maktabah al-Shāmilah. Sumber-sumber ini diperoleh bagi memastikan setiap kitab syarah dapat dinilai berdasarkan struktur, kandungan, dan metodologinya secara menyeluruh.

Bagi analisis data, metode analisis kandungan diaplikasikan. Pendekatan ini bertujuan untuk mengenal pasti dengan tepat bagaimana setiap kitab syarah menerapkan pendekatan tertentu dalam menghuraikan hadith, baik dari segi analisis bahasa, aspek fiqh, maupun kronologi perawi. Analisis ini juga melibatkan perbandingan struktur dan keunikan metodologi yang terdapat dalam setiap kitab syarah, bagi mengenal pasti perbezaan serta kesesuaian metodologi yang digunakan dalam memahami teks *Jāmi' al-Tirmizī*.

### **3.0 Dapatkan dan Perbincangan**

#### **Definisi Ilmu Syarah al-hadīth**

Para ulama hadith sangat mementingkan kesahihan dan kefahaman sesebuah hadith (Anas Razak & Arif Nazri, 2024). Hal ini membawa pertumbuhan ilmu ini. Ilmu syarah al-hadīth terdiri daripada dua perkataan iaitu syarah dan al-hadīth. Bagi perkataan syarah daripada segi bahasa bermaksud menghuraikan sesuatu, menjelaskan dan memberi kefahaman (al-Rāzī, 1987). Hal ini dapat dilihat daripada firman Allah SWT dalam surah al-An'am:

فَمَنْ يُرِدَ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ فَلَا يُشَرِّحُ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ

Terjemahan: Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya nescaya Dia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam [al-An'am: 125].

Menurut al-Munāwī (2016), asal maksud bagi perkataan syarah adalah menjelaskan perkataan yang tidak difahami dan menzahirkan kefahaman yang tersirat . Justeru makna ini yang paling sesuai bagi perbincangan syarah hadith (Fath al-Din Muhammad & Sayuthi Abdul Manas, 2022). Manakala daripada sudut istilah, al-Ashraff (2007) telah mendefinisikan syarah sebagai menghuraikan lafadz hadith dan

menjelaskan maknanya.

Bagi perkataan hadith, ia dihuraikan oleh ramai tokoh dan dibincangkan dalam karya-karya mustalah al-hadīth. Daripada sudut bahasa hadith bermaksud perkara yang baru. Begitu juga ia digunakan merujuk kepada berita sama ada banyak atau sedikit. Muhammad bin Alawi (2003), mendefinisikannya sebagai setiap perkataan, perbuatan, perakuan dan sifat yang disandarkan kepada Nabi SAW, sahabat atau tābi’īn. Justeru setiap aspek ini dinamakan sebagai hadith.

Manakala ilmu *syarh al-hadīth*, al-Arnīqī (1978) menyatakan bahawa ia merupakan ilmu yang mencari tahu berkenaan kehendak Nabi SAW daripada hadith-hadith yang diungkapnya berdasarkan kaedah-kaedah bahasa dan usul syari’at sesuai keupayaan seseorang manusia. Muhammad bin Umar Bazmūl (2009) memberi definisi lain iaitu suatu proses mengetahui kelompok masalah-masalah dan asas-asas umum (kuliyyah) yang bertujuan menjelaskan makna dan fiqh apa-apa yang disandarkan kepada Nabi SAW. Maka *syarh hadith* berobjektifkan untuk menjelaskan hadith-hadith Nabi SAW. Ilmu ini juga disebut dengan beberapa nama yang lain iaitu ilmu *fiqh al-hadīth*, ilmu *syarh al-hadīth*, ilmu *ma’ānī al-hadīth* dan ilmu *uṣūl tafsīr al-hadīth*.

Ilmu *syarh al-hadīth* dilihat mempunyai asasnya daripada praktikaliti para sahabat. Usaha dalam menafsir dan mentakwilkan hadith telah berkembang sejak awal kurun pertama Hijrah, dengan Rasulullah SAW sendiri memberikan penjelasan terhadap lafadz dan ungkapan hadith yang sukar difahami. Para Sahabat dan tabi’īn yang hidup pada zaman ini juga telah memberikan sumbangan penting dalam usaha menafsir dan mensyarah hadith, seperti yang dilakukan oleh ‘Abdullah ibn Mas’ud, ‘Abdullah ibn ‘Abbas, ‘Ali b. Abi Talib, ‘A’ishah binti Abi Bakr, para Ummahat al-Mu’mimin, Ikrimah mawla Ibn Abbas, Mujahid, ‘Ata’, Hasan al-Basri, Sa’id b. Jubayr, Muhammad b. Muslim al-Zuhri, Yahya b. Sa’id al-Ansari, Sufyan b. ‘Uyaynah, Hisan b. ‘Aliyah dan lain-lain. Pandangan serta ijтиhad para Sahabat sering dirujuk dalam usaha menjelaskan permasalahan nas syarak, dan fatwa yang mereka keluarkan dianggap sebagai rujukan utama dan penentu dalam penetapan hukum yang muktamad. Setelah itu, ilmu ini terus berkembang sehingga menyaksikan banyak karya-karya hadith telah disyarahkan dengan metodologi yang pelbagai. Menurut Ahmad Amir Nabil dan Tasnim Abdul Rahman (2021), karya-karya ini telah menggariskan kerangka besar pemikiran syarah dengan upaya penggarapan hadith (*fiqh al-hadīth*) dan pentarjihan yang kental, yang melantarkan asas kepada pengembangan ilmu syarah dan penelitian hadith yang dinamik dan tuntas.

### **Prinsip Asas Ilmu Syarh al-hadīth**

Dalam ilmu *syarh al-hadīth* terdapat disiplin yang perlu diikuti oleh setiap tokoh yang ingin mensyarahkan hadith. Menurut al-Akfanī (1994), Usul al-sharh merupakan disiplin yang terpenting dalam ilmu hadith al-dirayah. Ia menggariskan metodologi perbahasan kitab-kitab syarah hadith. Bagi mengenalpasti metodologi seseorang pengarang kitab syarah hadith, terdapat lima aspek yang boleh digunakan sebagai kayu ukur iaitu:

#### 1. Metod syarah hadith

Menurut Muhammad bin Umar Bazmūl (2009), dalam syarah hadith terdapat empat metod utama yang perlu diikuti oleh setiap individu berkelayakan secara tersusun. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 1: Metod Syarah Hadith

No.	Metod Syarah Hadith	Penjelasan
1.	Syarah hadith menggunakan hadith	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merupakan metod yang paling utama.</li> <li>• Merupakan metod yang kurang risiko kesilapan.</li> <li>• Hadith yang digunakan untuk syarah mestilah tidak bersanggatan dhaif apatah lagi palsu.</li> </ul>
2.	Syarah hadith menggunakan perkataan sahabat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merupakan metod syarah hadith kedua.</li> <li>• Sekiranya para sahabat berbeza pandangan mengenai syarah sesebuah hadith, dibenarkan untuk memilih pandangan paling tepat.</li> <li>• Mestilah syarah daripada sahabat tersebut dipastikan autentik.</li> </ul>
3.	Syarah hadith menggunakan perkataan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merupakan metod syarah hadith ketiga.</li> <li>• Mestilah tābi’īn yang diakui dalam bidang</li> </ul>

**Pendekatan Metodologi Syarah Hadith Dalam Kitab-Kitab Syarah Jāmi' al-Tirmizi:  
Satu Kajian Perbandingan**

---

4.	<b>tābi'iñ</b> Syarah hadith menggunakan ijтиhad dan bahasa arab	hadith. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merupakan metod syarah hadith terakhir yang digunakan.</li> <li>• Seseorang individu mesti berkemahiran dan menguasai segala kepakaran diperlukan dalam memahami hadith.</li> <li>• Perlu merujuk juga pandangan tokoh-tokoh ulama lain.</li> </ul>
----	---	---

---

2. Kecenderungan syarahan:

Begitu juga dalam ilmu *syarh al-hadīth* terdapat pendekatan atau manhaj syarah yang digunakan oleh setiap pengarang apabila menghuraikan hadith-hadith Nabi SAW. Kebiasannya pendekatan yang digunakan tergantung bidang kepakaran individu tersebut seperti manhaj al-fiqh bagi tokoh dalam bidang fiqh (Umar Abdul Aziz, 2007). Begitu juga keadaannya bagi manhaj lain seperti manhaj al-aqīdah, manhaj sufi dan sebagainya (Muhammad Ishaq, 1998).

3. Bentuk kitab syarah:

Kitab-kitab syarah hadith dapat diklasifikasikan kepada tiga bentuk utama berdasarkan pendekatan dan keluasan perbahasan yang digunakan dalam menghuraikan hadith (Ahmad Amir Nabil & Tasnim Abdul Rahman, 2021):

- i. *Al-Mabsūt* – Kitab syarah yang menyajikan penghuraian hadith secara mendalam dan komprehensif. Ia mengandungi perbahasan yang luas terhadap teks hadith, termasuk aspek sanad, matan, fiqh, dan pandangan ulama terdahulu serta kontemporari.
- ii. *Al-Mutawassit* – Kitab syarah yang bersifat pertengahan dengan perbahasan yang seimbang. Ia tidak terlalu panjang seperti al-Mabsut, tetapi tetap memberikan penerangan yang mencukupi mengenai makna hadith, ikhtilaf dalam periwayatan, serta implikasi hukum.
- iii. *Al-Mujīz* – Kitab syarah yang berbentuk ringkas dan lebih kepada catatan atau hashiyah. Ia memberikan penerangan singkat mengenai makna lafaz hadith serta merumuskan hukum dan faedah fiqh secara padat tanpa perbahasan yang terlalu panjang.

4. Jenis syarahan

Dalam masa yang sama, Ahmad Amir Nabil dan Tasnim Abdul Rahman (2021) menyatakan terdapat beberapa jenis syarah yang dikeluarkan oleh para ulama Islam sepanjang zaman. Rumusan kesemua jenis syarah adalah seperti berikut:

Jadual 2: Jenis Syarah Hadith

---

No.	Jenis Syarah	Penjelasan
1.	<i>Al-Syarh al-Mawdū'ī</i>	Syarahan yang merangkumi kefahaman tema (mawdu') yang menggarap maksud lafaz, bab, atau kitab hadith secara khusus.
2.	<i>Al-Syarh al-Tahlīlī</i>	Syarahan teks yang membentangkan perbahasan dan kupasan hadith yang komprehensif dan terperinci.
3.	<i>Al-Syarh al-Muqāran</i>	Syarahan yang mengupas dan membahaskan suatu juzuk hadith yang spesifik.
4.	<i>Al-Syarh al-Ijmālī</i>	Syarahan yang menghuraikan hadith secara ringkas.
5.	<i>Al-Syarh bi al-Ma'thūr</i>	Syarahan yang merujuk pada athar dan khabar yang sahih serta hujah yang dinukil dari ijtihad Sahabat (rad), tabi'in, pernyataan (bahasa) Arab, syair, dan nathr.
6.	<i>Al-Syarh li al-Istdlāl</i>	Syarahan yang merungkai kefahaman dalil (fiqh al-dalil) dan menghuraikan kaedah hukum serta istinbat.
7.	<i>Al-Syarh al-Madrāsī</i>	Syarahan yang dirangka berasaskan keperluan pengajian di peringkat kulliyyah.

---

5. Gaya penulisan syarah hadith

Bagi gaya penulisan kitab syarah hadith, ia terbahagi kepada tiga gaya utama iaitu (Fath al-Din Muhammad

& Sayuthi Abdul Manas, 2022):

1. *Al-Syarah al-Maudhi 'ti*: Syarah dengan lafaz "qauluhu".
2. *Al-Syarah bi Qāla*: Syarah dengan lafaz lafaz "qāla" atau "aqūlu".
3. *Al-Syarah Al-Mamzūj*: Syarah yang menghimpunkan matan dan huraian bersama.

Secara keseluruhannya, ilmu *syarah al-hadīth* merupakan disiplin yang memiliki kaedah dan prinsip yang tersusun dalam menghuraikan hadith-hadith Nabi SAW. Prinsip asas ilmu ini melibatkan metodologi syarah hadith yang berperingkat, pemilihan manhaj syarahan berdasarkan latar belakang keilmuan, bentuk kitab syarah yang pelbagai, jenis syarahan yang digunakan oleh para ulama, serta gaya penulisan yang berbeza dalam menghuraikan hadith.

Dengan memahami kelima-lima aspek ini, seseorang dapat mengenal pasti pendekatan serta keistimewaan yang terdapat dalam sesebuah kitab syarah hadith. Ini bukan sahaja membantu dalam menilai keautoritian syarahan yang diberikan, tetapi juga memudahkan pembaca dan pengkaji hadith dalam memahami kandungan sesebuah kitab syarah dengan lebih jelas dan sistematis.

### **Perbandingan Metodologi Kitab-Kitab Syarah *Jāmi'* al-Tirmizī**

Bagi menjalankan perbandingan metodologi pengarang kitab syarah *Jāmi'* al-Tirmizī, kajian telah memilih tiga kitab syarah iaitu *Tuhfat al-Ahwazī* karangan al-Mubārakfūrī, *Qūt al-Mughätzī* karangan al-Suyūṭī dan *Āridah al-Ahwazī* oleh Ibn 'Arabī al-Malikī. Justifikasi pemilihan karya-karya ini dilihat kepada beberapa aspek. Pertama, karya-karya ini mestilah mensyarahkan keseluruhan kitab *Jāmi'* al-Tirmizī. Justeru itu, dikeluarkan beberapa syarah seperti *al-'Araf al-Syazī* oleh al-Irāqī atas alasan tersebut. Kedua, karya-karya ini mestilah diterbitkan dalam bentuk buku fizikal dan bukan dalam bentuk manuskrip semata-mata. Oleh yang demikian, karya seperti *Syarah Jāmi' al-Tirmizī* oleh al-Baghawī tidak dijadikan sebagai rujukan kerana hanya dijumpai dalam bentuk manuskrip semata-mata. Ketiga, karya-karya ini mestilah menghuraikan hadith dalam *Jāmi'* al-Tirmizī sahaja dan tidak menggabungkan dengan kitab lain. Berdasarkan aspek ini, dikeluarkan karya *Injāz al-Wā'd al-Wafī* oleh Ibn al-Mulaqqīn kerana beliau mensyarahkan zawāid (hadith-hadith) tambahan *Jāmi' al-Tirmizī* sahaja. Keempat, karya-karya ini mestilah merupakan karya asal dan bukan pelengkap atau penyempurna kepada karya syarah hadith yang lain. Dikeluarkan kitab seperti *Takmilah al-Nafh al-Syazī* oleh al-Irāqī berikutan beliau bermaksud melengkapkan huraian oleh pengarang asal iaitu Ibn Sayyid al-Nās. Terakhir, kitab tersebut mudah didapati dalam bentuk fizikal mahupun digital.

Justeru karya seperti *al-Tayyib al-Syazī* oleh Isyfāq Rahman al-Kandahlawī yang diterbitkan di India tidak dimasukkan sebagai subjek dalam kajian ini. Justeru daripada tapisan di atas, kajian mengeluarkan tiga subjek iaitu *Tuhfat al-Ahwazī* oleh al-Mubārakfūrī, *Āridah al-Ahwazī* oleh Ibn 'Arabī al-Malikī dan *Qūt al-Mughätzī* oleh al-Suyūṭī. Kajian menggunakan cetakan rujukan Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah untuk *Tuhfat al-Ahwazī* dan *Āridah al-Ahwazī* manakala cetakan Universiti Umm al-Qurā bagi *Qūt al-Mughätzī*. Sebab pemilihan cetakan tersebut adalah kerana ia terdapat dalam perisian atas talian al-Maktabah al-Syāmilah justeru memudahkan proses ulang rujuk. Kajian menjelaskan terlebih dahulu rumusan pengenalan bagi ketiga-tiga karya.

#### **1. *Tuhfat al-Ahwazī*:**

Kajian mengeluarkan pengenalan ringkas berkenaan karya *Tuhfat al-Ahwazī*. Justeru perincinya adalah seperti berikut:

Jadual 3: Rumusan Pengenalan *Tuhfat al-Ahwazī*

Pengarang	Abdul Rahman bin Abdul Rahīm al-Mubārakfūrī
Kitab	<i>Tuhfat al-Ahwazī bi Syarah Jāmi' al-Tirmizī</i>
Pengenalan	1. Merupakan karya paling masyhur oleh al-Mubārakfūrī
Karya	2. Beliau mula menulisnya ketika berada di kawasan "Kondoh" di "Bondihwar", di mana dalam beberapa majlis dakwah, timbul idea untuk menulis syarah Jāmi' al-Tirmizi. Orang ramai memandang ke arah al-Mubarakfuri untuk melaksanakan tugas mulia ini, dan beliau menerima cadangan tersebut serta memulakan penulisan. 3. Beliau juga mengarang muqaddimah bagi kitab ini dalam dua bab, di mana pada bab pertama terdapat empat puluh satu fasal, yang merangkumi pelbagai kajian

**Pendekatan Metodologi Syarah Hadith Dalam Kitab-Kitab Syarah Jāmi' al-Tirmizi:  
Satu Kajian Perbandingan**

---

hadith yang berguna. Pada bab kedua, terdapat tujuh belas fasal yang dikhurasukan untuk perbincangan hadith seputar Imam al-Tirmizi dan Jami' beliau.

---

**2. Āridah al-Ahwazī:**

Kitab ini ditulis oleh seorang tokoh hadith popular pada zamannya iaitu Abū Bakr Ibn al-'Arabī. Rujuk jadual di bawah bagi rumusan pengenalan kitab:

Jadual 4: Rumusan Pengenalan 'Āridah al-Ahwazī

Pengarang	Abū Bakr bin Abdullah al-'Arabī
Kitab	'Āridah al-Ahwazī bi Syarh Sahīh al-Tirmizī
Pengenalan karya	<ol style="list-style-type: none"> <li>Merupakan karya yang amat terkenal dan unik.</li> <li>Beliau menulisnya berikutan terdapat permintaan daripada anak-anak murid agar menghuraikan kitab <i>Jāmi' al-Tirmizī</i>.</li> <li>Beliau turut mengarang muqaddimah bagi kitab ini menjelaskan mengenai keseluruhan kitab secara ringkas. Beliau juga membahas mengenai penamaan dan metodologi yang digunakan dalam kitab.</li> </ol>

**3. Qūt al-Mughtazī:**

Kitab ini ditulis oleh Abdul Rahman al-Suyūtī sebagai khidmat asas terhadap kitab-kitab hadith yang telah dikarang oleh para ulama. Rujuk jadual di bawah sebagai rumusan pengenalan kitab ini.

Jadual 5: Rumusan Pengenalan 'Qūt al-Mughtazī'

Pengarang	Abdul Rahman bin al-Kammāl al-Suyūtī
Kitab	<i>Qūt al-Mughtazī 'alā Jāmi' al-Tirmizī</i>
Pengenalan karya	<ol style="list-style-type: none"> <li>Al-Suyūtī mengarang karya ini sebagai suatu khidmat ke atas kitab-kitab hadith seperti yang telah beliau lakukan sebelum ini.</li> <li>Beliau sendiri menjelaskan nama <i>Qūt al-Mughtazī</i> dalam muqaddimahnya.</li> <li>Kitab ini dihitung sebagai karya syarahan yang baik ke atas <i>Jāmi' al-Tirmizī</i>.</li> <li>Beliau merujuk karya syarah Jāmi' terdahulu dalam karya ini iaitu 'Āridah al-Ahwazī, <i>al-Nafh al-Syazi</i>, <i>Takmilah Syarh al-Tirmizī</i>.</li> </ol>

Setelah itu, kajian menganalisis persamaan dan perbezaan ketiga-tiga karya ini untuk mendapatkan dapatan yang lebih rinci. Kayu ukur metodologi setiap pengarang dilihat berdasarkan lima aspek seperti disebutkan sebelum ini. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 6: Analisis Perbandingan Kitab Syarah

No	Bhg.	Kitab			Catatan
		<i>Tuhfat al-Ahwazī</i>	'Āridah al-Ahwazī	<i>Qūt al-Mughtazī</i>	
1	Metod Syarah Hadith	1. Seimbang metod satu sehingga empat	1. Mengutama kan metod dua sehingga empat	1. Mengutamakan metod keempat dengan menukil pandangan tokoh lain.	<i>Tuhfat al-Ahwazī</i> dilihat kadang-kala menggunakan keempat-empat metod dalam satu hadith. <i>Qūt al-Mughtazī</i>

			cenderung menukil pandangan tokoh lain.
2	Manha j Syarah	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mengutama kan perbincanga n mengenai teknikal hadith.</li> <li>Kurang membahask an mengenai isu akidah.</li> <li>Membahask an secara terperinci mengenai fiqh sesebuah hadith.</li> <li>Tidak menyentuh banyak mengenai aspek kesufian.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mengutama kan perbincanga n mengenai aspek bahasa hadith.</li> <li>Membahask an secara terperinci mengenai fiqh.</li> <li>Membahask an teknikal hadith pada hadith tertentu.</li> <li>Menyentuh secara terperinci perbincanga n akidah dan tasawuf.</li> </ol>
3	Bentuk kitab syarah	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kitab yang menghuraik an kebanyakan hadith tertentu dalam satu bab.</li> <li>Kitab yang menghuraik an aspek tertentu dalam sesebuah hadith.</li> <li><i>Al- Mutawassit</i></li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kitab yang menghuraik an bab tertentu.</li> <li>Kitab yang menghuraik an aspek tertentu dalam hadith.</li> <li><i>Al-Mujīz Mutawassit</i></li> </ol>
4	Jenis Syarah	<ol style="list-style-type: none"> <li><i>Al-Syarh al- Tahlīlī</i></li> <li><i>Al-Syarh bi al-Ma'thūr.</i></li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li><i>Al-Syarh al- Tahlīlī</i></li> <li><i>Al-Syarh al- Ijmālī.</i></li> </ol>
5	Gaya Penulis an	<ol style="list-style-type: none"> <li><i>Al-Syarh al- Maudhi'i</i></li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Syarah sahaja tanpa nas hadith</li> </ol>

Justeru  
kajian  
tidak  
menetapka  
n     gaya  
penulisan  
khusus.

---

Tiga kitab syarah hadith yang dikaji, iaitu *Tuhfat al-Ahwazī*, *'Āridah al-Ahwazī*, dan *Qūt al-Mughazī*, mempunyai metodologi dan pendekatan yang berbeza dalam menghuraikan hadith. Perbezaan ini dapat dilihat dalam aspek metod syarah hadith, manhaj syarahan, bentuk kitab, jenis syarah, dan gaya penulisan.

Dari sudut metod syarah hadith, *Tuhfat al-Ahwazī* bersifat lebih seimbang dengan menggunakan keempat-empat metod syarah hadith. Sebaliknya, *'Āridah al-Ahwazī* lebih mengutamakan metod kedua hingga keempat, yang melibatkan syarah hadith melalui perkataan sahabat, tābi'iin, serta ijtihad berdasarkan bahasa Arab. Manakala *Qūt al-Mughazī* lebih cenderung kepada metod keempat dengan banyak menukil pandangan ulama lain, menjadikannya lebih bersifat komentar terhadap pendapat tokoh lain berbanding analisis sendiri.

Dari perspektif manhaj syarahan, *Tuhfat al-Ahwazī* lebih menekankan aspek teknikal hadith dan perbahasan fiqh tanpa banyak membincangkan isu akidah atau kesufian. Sebaliknya, *'Āridah al-Ahwazī* lebih menitikberatkan aspek bahasa hadith serta turut menyentuh perbincangan fiqh, akidah, dan tasawuf secara mendalam. *Qūt al-Mughazī*, pula, memberi penekanan utama pada aspek bahasa hadith dan membincangkan fiqh secara ringkas, selain jarang menyentuh teknikal hadith serta hanya membahas akidah dan tasawuf apabila perlu.

Dari aspek bentuk kitab syarah, ketiga-tiga kitab ini mempunyai persamaan dalam menghuraikan bab atau aspek tertentu dalam sesebuah hadith. Namun, *Tuhfat al-Ahwazī* mempunyai perbahasan yang lebih panjang dan mendalam bagi setiap hadith dalam satu bab, manakala *Qūt al-Mughazī* adalah yang paling ringkas dalam penghuraian hadith.

Dalam kategori jenis syarah, *Tuhfat al-Ahwazī* menggunakan pendekatan al-Syarh al-Tahlīlī dan al-Syarh bi al-Mā'thūr, yang menekankan analisis hadith secara terperinci dan berdasarkan sumber-sumber tradisi Islam. *'Āridah al-Ahwazī* pula hanya menggunakan pendekatan al-Syarh al-Tahlīlī, manakala *Qūt al-Mughazī* lebih ringkas dengan menggunakan pendekatan al-Syarh al-Ijmālī, yang bersifat padat dan langsung kepada makna hadith.

Akhir sekali, dari sudut gaya penulisan, kedua-dua *Tuhfat al-Ahwazī* dan *'Āridah al-Ahwazī* menggunakan pendekatan al-Syarh al-Maudhū'ī, iaitu syarahan yang memberi tumpuan kepada tema tertentu dalam hadith. Namun, *Qūt al-Mughazī* lebih berbeza kerana ia hanya mengandungi syarahan tanpa menyertakan teks hadith, menjadikannya lebih bersifat ulasan ringkas terhadap hadith yang dibincangkan.

Berdasarkan perbandingan ini, jelas bahawa ketiga-tiga kitab syarah hadith ini mempunyai keunikan tersendiri. *Tuhfat al-Ahwazī* sesuai bagi mereka yang ingin memahami hadith secara mendalam dengan perbahasan teknikal dan fiqh yang lebih luas. *'Āridah al-Ahwazī* pula lebih komprehensif kerana ia turut merangkumi aspek bahasa, akidah, dan tasawuf dalam syarahanya. Manakala *Qūt al-Mughazī* lebih bersifat ringkas dan langsung kepada makna hadith, menjadikannya sesuai untuk mereka yang mencari kefahaman hadith dalam bentuk yang lebih padat dan mudah diakses.

## Kesimpulan

Berdasarkan analisis metodologi syarah hadith dalam *Tuhfat al-Ahwazī*, *Qūt al-Mughazī*, dan *'Āridah al-Ahwazī*, didapati bahawa ketiga-tiga kitab ini mempunyai pendekatan yang berbeza dalam penghuraian hadith-hadith yang terkandung dalam *Jāmi' al-Tirmizi*. *Tuhfat al-Ahwazī* menekankan penghuraian berdasarkan analisis bahasa dan aspek fiqh yang lebih mendalam, memberikan panduan yang jelas kepada para pembaca dalam memahami aspek hukum yang terkandung dalam hadith. *Qūt al-Mughazī* pula cenderung kepada pendekatan yang lebih sederhana dalam aspek bahasa tetapi mendalam dari segi penerapan aspek tarikh (kronologi) dan konteks perawi, menjadikannya sumber yang penting untuk analisis sanad. Sementara itu, *'Āridah al-Ahwazī* mengambil pendekatan sintesis antara analisis bahasa dan sanad

serta memberikan ruang kepada perbincangan mazhab dalam menghuraikan teks hadith.

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa variasi metodologi dalam ketiga-tiga syarah tersebut menampilkan kepelbagaiannya dalam memahami teks hadith, sekaligus menunjukkan kepentingan metodologi yang berstruktur dalam penghuraian hadith. Setiap kitab syarah ini berfungsi sebagai panduan yang unik kepada pengkaji hadith dalam memahami kandungan *Jāmi' al-Tirmizī* daripada perspektif yang berbeza.

Sebagai cadangan untuk kajian lanjutan, disarankan agar penelitian lebih mendalam dilakukan terhadap metodologi kitab syarah yang lain dalam menghuraikan *Jāmi' al-Tirmizī* untuk memperluas lagi pemahaman mengenai pendekatan syarah hadith. Selain itu, kajian komparatif terhadap metodologi syarah dalam kitab hadith lain seperti Sunan Abu Daud atau Sahih Muslim boleh dilakukan untuk mengenal pasti pola-pola persamaan dan perbezaan metodologi yang digunakan dalam pelbagai kitab syarah hadith. Ini akan memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang pendekatan syarah dalam tradisi hadith serta membuka peluang bagi kajian dalam bidang ini untuk lebih difahami dan diaplikasikan dalam konteks pengajaran hadith.

---

## Penghargaan

Penulis ingin mengungkapkan setinggi penghargaan kepada barisan editor dan panel penilai yang bekerja keras dan sudi menerima hasil kertas kerja ini.

---

## Rujukan

- Al-Ashrafi, H. 'A. A. S. (2007). Al-Sharh al-Mawdu'i li al-Hadith al-Sharif: Dirasah Nazariyah Tatbiqiyah (Tesis Sarjana). Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Al-Faruqi, I. R., & al-Faruqi, L. L. (1986). The Cultural Atlas of Islam (hlm. 274). New York: Macmillan Publishing.
- Amir Nabil, Tasnim Rahman (2021). Perkembangan Ilmu Syarah Hadith: Suatu Telaah Ringkas. Rusydiah Jurnal Pemikiran Islam 2(2).
- Anas Razak, Arif Nazri (2024). Manhaj Kritik Matan Hadis Ibn al-Qayyim: Kajian Terhadap Kitab al-Manār al-Munīf. Jurnal Pengajian Islam 17(2).
- Al-Qinnawji, S. b. H. (1999). Abjad al-'Ulum al-Musamma bi al-Washy al-Marqum fi Bayan Ahwal al-'Ulum (Vol. 2, hlm. 336) ('A. al-J. Zakkar, Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Bayanuni, F. D. (n.d.). Hammīyah al-Shuruh al-Hadith wa Qawa'iduha. Dalam Mu'tamar 'Alami 'an Manahij Tafsir al-Qur'an al-Karim wa Sharh al-Hadith al-Sharif (Vol. 2, hlm. 945–976).
- Fath al-Din, M., & Abdul Manas, S. (2022). 'Ulūm Dirāyat Matn al-Hadīth (hlm. 227). Selangor: IIUM Press.
- Faydi, M. B. (1989). Al-Ittijah al-Fiqhi lada Shurrah al-Hadith (hlm. 255). Baghdad: Kulliyyah al-Shari'ah, Jami'ah Baghdad.
- Ghauri, A. M. (2005). Al-Madkhāl ilā Dirāsat Jāmi' al-Tirmizī. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Harbi, I. b. I. (1985). Gharib al-Hadith (Vol. 1, hlm. 290) (S. b. I. b. M. al-'Ayid, Ed.). Jeddah: Dar al-Madani.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, H. (1998). Manhaj al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani fi al-'Aqidah: Risalah 'Ilmiyah (hlm. 15). Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Ibn Manzur, A. F. J. M. b. M. b. Mukarram. (1990). Lisan al-'Arab (Vol. 2, hlm. 497). Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Sidah, 'A. I. (1965). Al-Mukhassas (Vol. 2, hlm. 37). Beirut: Maktabah al-Tijariyah li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- Ibn Sidah, 'A. I. (1999). Al-Muhkam wa al-Muhital-A'zam fi al-Lughah (Vol. 4, hlm. 171) (M. al-Saqqa & H. Nassar, Eds.). Mesir: Ma'had al-Makhtutat bi Jami'at al-Duwal al-'Arabiyyah.
- Jawhari, I. I. H. (1982). Taj al-Lughah wa Sihah al-'Arabiyyah (Vol. 1, hlm. 337) ('A. al-G. 'Attar, Ed.). Riyadh: Shabatli.
- Kandu, M. I. (1998). Manhaj al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani fi al-'Aqidah: Risalah 'Ilmiyah (hlm. 15). Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Khalīlī, K. A. (1989). Al-Irsyād fī Ma'rifa 'Ulamā al-Hadīth. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Muhammad bin 'Alawi. (2003). Al-Qawā'id al-Asāsiyah fī Ilm Muṣṭalah al-Hadīth. Kaherah: Dār al-Hāwi.
- Muhammad bin Umar Bazmūl. (2009). Ilmu Syarah al-hadīth wa Rawāfid al-Bahs 'Anhu. Arab Saudi: Markaz

**Pendekatan Metodologi Syarah Hadith Dalam Kitab-Kitab Syarah Jāmi' al-Tirmizi:  
Satu Kajian Perbandingan**

- Buhūth al-Dirāsāt al-Islāmiyyah.
- Mukhtar al-Sihhah, M. b. A. B. (1987). Mukhtar al-Sihhah (hlm. 354). Beirut: Maktabah Lubnan.
- Munāwī, A. (2016). Al-Tawqīf ‘alā Muhibbāt al-Ta’ārif (hlm. 427).
- Razi, M. b. A. B. (1987). Mukhtar al-Sihhah (hlm. 53). Beirut: Maktabah Lubnan.
- Sa‘ad, A. (2022). Al-Madkhal ilā Jāmi' al-Tirmizī. Riyadh: Dār al-Muhaddith.
- Safdi, B. K. (2015). Ilmu Syarah Hadith: Dirasah Ta’siliyah Manhajiyah (Tesis Ijazah Doktor Falsafah). Palestin: Universiti Islam Ghaza.
- Sayuthi Abdul Manas, F. D. M. (2022). ‘Ulūm Dirāyat Matn al-Hadīth (hlm. 227). Selangor: IIUM Press.
- Tasnim Abdul Rahman, A. A. N. (2021). Perkembangan Ilmu Syarah Hadith: Suatu Telaah Ringkas. Rusydiah Jurnal Pemikiran Islam, 2(2), hlm. 12. <https://doi.org/10.35961/rsd.v2i2.291>
- Tawfiq, A. (2007). Al-Madkhal ilā Jāmi' al-Imām al-Tirmizī. Kuwait: Maktabah al-Syuūn al-Fanniyah.
- Tawfiq, A. (2007). Al-Madkhal ilā Jāmi' al-Imām al-Tirmizī. Kuwait: Maktabah al-Syuūn al-Fanniyah.
- Umar ‘Abd al-‘Aziz al-‘Ani. (2007). Adwa' 'ala al-Manhaj al-Fiqhi fi Sharh al-Hadith. Mu'tamar 'Alami 'an Manahij Tafsir al-Qur'an al-Karim wa Sharh al-Hadith al-Sharif, Vol. 3, hlm. 1231–1264.
- Zahabī, M. A. (1985). Siyar A'lām al-Nubalā'. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.